

Berita Harian

AKHBAR RAKYAT. AKHBAR ANDA

RENCANA PENGARANG

ISNIN, 24 MEI, 1982

MENGEKAL KERJASAMA SELEPAS PILIHANRAYA

KEJAYAAN cemerlang Barisan Nasional dalam pilihanraya yang lalu adalah hasil persefahaman dan kerjasama yang erat antara parti-parti komponennya. Ini adalah suatu hakikat yang jelas. Kemuafakatan inilah juga yang sentiasa dipegang teguh dan yang telah membawa berbagai kejayaan kepada negara sejak merdeka. Dengan kemuafakatan itulah kemerdekaan sendiri tercapai, dan kemudiannya ia jugalah yang telah mewujudkan perpaduan, keharmonian dan menyediakan suasana stabil yang memungkinkan pembangunan negara ditingkatkan ke tahap yang kita nikmati sekarang.

Di Baling kelmarin Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyeru supaya persefahaman dan kerjasama yang ditunjukkan semasa menghadapi pilihanraya itu dikekalkan dan diperluas lagi selepasnya. Ini tidak saja harus dilakukan dalam bidang politik tetapi juga diperluas ke bidang-bidang lain terutama ekonomi. Seperti kata beliau, jika kerjasama dan per-

sefahaman itu boleh dicapai semasa pilihanraya dengan hasilnya yang cemerlang, tidak mustahil keadaan yang sama juga boleh dilakukan selepas pilihanraya.

Tetapi antara harapan dan amalan jauh bezanya. Di bidang politik sendiri unsur-unsur yang boleh memecah-belah sudah mulai terbayang. Pokoknya, seperti yang kerap ditekankan oleh Perdana Menteri, kita sekarang ini lebih mementingkan ganjaran perjuangan daripada matlamat sebenarnya. Terdapat anggota komponen Barisan Nasional yang telah pun mulai menuntut sesuatu yang di luar dari persetujuan asal dan sebelum pilihanraya, dan tuntutan demikian disokong pula dengan tekanan dan ugutan. Beberapa ciri kemenangan Barisan Nasional baru-baru ini pula telah mulai menyebabkan sebuah dua parti komponen bersuara lebih lantang dan, walaupun dengan bahasa yang halus, menimbulkan keraguan tentang kejujuran Kerajaan

berlaku adil terhadap semua kaum dalam usaha pembangunannya.

Sesungguhnya ini adalah gejala-gejala yang tidak sihat. Jika ketamakan terhadap ganjaran perjuangan yang menjadi rebutan, persefahaman dan kerjasama yang telah dicapai dengan susah payah selama ini akan tergugat. Jika suara-suara mendabik dada itu tidak dikawal, syak-wasangka antara kaum akan muncul semula dan mengancam asas-asas keharmonian dan kestabilan yang telah dibina selama ini. Akibatnya ialah kemungkinan luputnya ganjaran yang dikejar itu sendiri. Kerana itu adalah menjadi kewajipan pemimpin-pemimpin setiap komponen Barisan Nasional untuk memastikan supaya perkara buruk begini tidak berlaku. Tentulah semua pihak amat sedar bahawa cuma pengekalannya persefahaman dan kerjasama politik itu saja yang boleh menjamin perluasannya ke bidang-bidang lain.